

Uber, GrabCar lengkapkan sistem pengangkutan awam

B/H M/S 3 24/10/2017

➔ Teksi e-hailing sedia khidmat sokongan dalam segmen tertentu, penuh kehendak pengguna

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman
wananwar@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Perkhidmatan teksi e-hailing seperti Uber dan Grab Car boleh dimanfaatkan untuk mewujudkan sistem pengangkutan awam yang saling melengkapi antara keperluan syarikat pengangkutan serta memenuhi kehendak pengguna.

Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana), Datuk Seri Azmi Abdul Aziz, berkata walaupun kewujudan perkhidmatan teksi e-hailing boleh dianggap sebagai 'pengganggu', dari sudut lain ia membantu melancarkan sistem pengangkutan awam dan kemu-

dahan untuk orang ramai.

"Ia ibarat kita 'menari' bersama pesaing. Kalau kita dapat menari bersama mereka, kita 'bermesra' dengan mereka. Dalam suasana hari ini, kita tidak boleh pinggirkan mereka tetapi jadikan mereka rakan yang dapat menguntungkan kita.

Kebaikan orang ramai

"Daripada kita melabur banyak sumber bagaimana hendak menghadapi pesaing, saya fikir kita patut mempunyai 'rakan' yang mampu memanfaatkan kita. Yang penting, apa yang kita lakukan hari ini adalah untuk kebaikan orang ramai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi ahli panel perbincangan Trend Dalam Mobiliti: Bersaing atau. Melengkapi sempena Sim-

posium Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD): Pengangkutan Masa Depan, Melestarikan Mobiliti, di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KL-CC), semalam.

Beliau mengulas mengenai impak terhadap langkah kerajaan menjadikan teksi e-hailing seperti Uber dan GrabCar sebagai sistem pengangkutan awam yang sah di sisi undang-undang negara.

Azmi berkata, Prasarana percaya perkhidmatan teksi e-hailing boleh membantu melancarkan lagi perkhidmatan pengangkutan yang disediakan pihaknya.

"Saya tidak fikir ia (teksi e-hailing) akan menjejaskan kami kerana mereka menyediakan khidmat sokongan dalam segmen tertentu dalam sistem pengangkutan awam negara," katanya.



la ibarat kita 'menari' bersama pesaing. Kalau kita dapat menari bersama mereka, kita 'bermesra' dengan mereka. Dalam suasana hari ini, kita tidak boleh pinggirkan mereka tetapi jadikan mereka rakan yang dapat menguntungkan kita

Azmi Abdul Aziz,
Ketua Pegawai Eksekutif,
Kumpulan Prasarana